



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PENGECUALIAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL DALAM KESATUAN KEBANGSAAN GURU-GURU BESAR MALAYSIA (KKGGBM) DI BAWAH SEKSYEN 27(2)(f) AKTA KESATUAN SEKERJA 1959 [AKTA 262] BERHUBUNG KEANGGOTAAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DALAM KESATUAN SEKERJA

1. Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Besar Malaysia (KKGGBM) merupakan sebuah Kesatuan Sekerja yang ditubuhkan hampir 60 tahun lalu sejak 4 Mei 1963 dan berdaftar di Malaysia melalui Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS).
2. Kesatuan ini ditubuhkan untuk menghimpunkan Guru Besar dan Guru Penolong Kanan bagi Sekolah Bantuan Kerajaan di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Semenanjung Malaysia dalam sebuah kesatuan.
3. Secara dasarnya, penjawat awam adalah dilarang untuk menyertai atau menjadi atau diterima sebagai seorang anggota mana-mana kesatuan sekerja. Sekatan ini telah diperuntukkan di bawah Seksyen 27(1) Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262].
4. Namun begitu, Seksyen 27(2) (f) Akta 262 ini juga memperuntukkan bahawa Ketua Setiausaha Negara (KSN) diberi kuasa untuk mengecualikan sekatan kepada mana-mana pegawai awam yang memegang jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional untuk menganggotai kesatuan sekerja melalui suatu arahan bertulis.
5. Sehingga Mac 2024, KKGGBM telah dianggotai oleh seramai 988 orang ahli. Daripada jumlah tersebut, seramai 64 orang ahli berada dalam gred sokongan (DG38/40), dan baki 924 lagi berada dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional (DG41 dan ke atas).
6. Larangan ini telah menyebabkan anggota-anggota KKGGBM daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional tidak mempunyai hak untuk memegang jawatan sama seperti anggota-anggota Kesatuan Sekerja yang lain.
7. KKGGBM juga berisiko hilang kerelevanan apabila 93% anggota-anggota daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional hilang kelayakan untuk memegang jawatan dan menjadi pemandu dasar di dalam kesatuan tersebut. Ia turut menimbulkan kegusaran kesatuan kerana ia akan menyebabkan keanggotaan kesatuan ini semakin mengecil dan seterusnya membawa kepada terpaksa dibubarkan akibat daripada sekatan ini.

8. Sejak tahun 2021 lagi, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak KKGGBM untuk memohon pengecualian bagi anggota mereka untuk memegang jawatan di dalam Kesatuan Sekerja ini, namun menemui jalan buntu.
9. Pada 23 Julai 2024, pihak KKGGBM telah bertemu dengan Menteri Sumber Manusia, YB Encik Steven Sim Chee Keong bagi membantu memohon pengecualian ini daripada YBhg. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.
10. Sehubungan itu, pada 2 Oktober 2024, Ketua Setiausaha Negara telah bersetuju untuk memberi pengecualian di bawah Seksyen 27(2)(f) Akta 262 kepada anggota KKGGBM dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional untuk terus menganggotai kesatuan. Namun begitu, pengecualian yang diberikan ini adalah tertakluk kepada syarat seperti:-
 - i) Pengecualian hanya terpakai kepada kumpulan 988 orang anggota yang berdaftar setakat 2 Oktober 2024 sehingga mereka bersara atau berhenti menjadi anggota kesatuan; dan
 - ii) Pengecualian yang diberikan **TIDAK BOLEH DIJADIKAN PRECEDENT (RUJUKAN BAGI MANA-MANA PERMOHONAN PENGECUALIAN YANG LAIN).**
11. KKGGBM juga telah diingatkan bahawa dengan pengecualian yang telah diberikan ini, mereka masih lagi tertakluk kepada pematuhan terhadap semua peruntukan lain yang berkaitan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Pindaan) 2024 [Akta 262].
12. Usaha ini adalah pemerkasaan berterusan yang sedang *dilaksanakan* oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) bagi memartabatkan peranan Kesatuan Sekerja, lantas menambah baik hak kebajikan pekerja.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
23 OKTOBER 2024**